

10 APR 2002

UUM-E-Book (Bergambar)

UUM LANCAR PROJEK PERINTIS E-BOOK MEI INI

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Universiti Utara Malaysia (UUM) akan melancarkan projek perintis "e-book" atau buku elektronik untuk sekolah menengah pada bulan depan sebagai langkah mempertingkatkan usaha menerokai dan menggunakan teknologi tinggi dalam sistem pembelajaran.

Projek itu yang masih di peringkat perbincangan dengan Kementerian Pendidikan, dibangunkan keseluruhannya oleh UUM dari segi perkakasan dan perisian, sebagai salah satu usaha mengatasi masalah beg berat pelajar sekolah.

Naib Canselor UUM Kol Datuk Prof Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri berkata projek perintis itu akan dimulakan untuk pelajar Tingkatan Empat di sepuluh buah sekolah yang dipilih oleh kementerian.

UUM mula membangunkan projek tersebut pada tahun lepas dengan menggunakan teknologi dari Taiwan, katanya pada persidangan media selepas pelancaran UPU-SMS oleh Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Hon Choon Kim di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau bersama pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi Prof Dr Hassan Said menandatangani memorandum persefahaman antara UUM dan Jabatan Pendidikan Tinggi, kementerian itu mengenai pelaksanaan sistem UPU-SMS.

Menerusi sistem berkenaan, para pelajar boleh menggunakan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) telefon bimbit mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai permohonan ke institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Dr Ahmad Fawzi berkata universiti itu kini sedang berusaha untuk mengurangkan kos pengeluaran "e-book" itu yang kini berharga RM3,000 sebuah kepada lebih kurang RM1,000 supaya ia mampu dimiliki oleh para pelajar seperti yang diminta oleh Kementerian Pendidikan.

Beliau berkata "e-book" yang telah dibangunkan oleh UUM ini boleh memuatkan 14 buku teks para pelajar, dan boleh digunakan untuk ujian dan juga kerja rumah.

Jika diterima oleh Kementerian Pendidikan, para pelajar tidak lagi perlu membawa beg yang berat ke sekolah kerana "e-book" sudah cukup untuk semua mata pelajaran, katanya.

Sebelum ini, UUM telah membangunkan komputer peribadi PC SerindIT yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April 2000 yang telah diguna pakai di UUM, serta diguna dibawah program celik IT Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang terbaru, UUM menerima tempahan dari National Institute of Cambodia untuk membeli komputer itu.

-- BERNAMA

HK MAD ZB